

07 APR 1999
Kosovo (Komentar)
KOSOVO -- DI MANA SILAPNYA?

Oleh: R. Ravichandran

KUALA LUMPUR, 7 April (Bernama) -- Selepas lebih dua minggu serangan udara Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (Nato) ke atas Yugoslavia, pasukan bersekutu itu nampaknya lebih jau daripada sasaran mereka ketika memulakan tindakan untuk menghentikan pembunuhan kejam yang berterusan terhadap etnik Albania Kosovo.

Walaupun Nato tiada pilihan lain, setelah gagal memaksa Belgrade menerima perjanjian damai Rambouillet, persoalan masih belum terjawab mengapa Nato mengambil masa yang panjang untuk bertindak sedangkan pembunuhan beramai-beramai etnik itu berlaku sejak beberapa tahun lalu.

Pada Mac tahun lepas Presiden Yugoslavia Slobodan Milosevic menghantar unit-unit polis dan tenteranya untuk bertindak ganas terdhadap Tentera Pembebasan Kosovo (KLA) yang berusaha mendapatkan kemerdekaan bagi Kosovo.

Sejak itu, lebih 2,000 orang dipercayai telah dibunuh.

Walaupun terdapat rayuan dan perhatian berterusan dari banyak negara termasuk Malaysia supaya negara-negara Barat melindungi etnik Albania, pasukan bersekutu itu memilih penyelesaian politik, iaitu langkah yang tidak mahu diterima oleh orang seperti Milosevic, berdasarkan rekodnya semasa konflik Bosnia.

Genap setahun yang lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan dunia bahawa keganasan dan perseteruan kepimpinan Serb itu akan membawa kepada "bencana besar" di Kosovo dan seluruh negara-negara Balkan.

"Adalah memalukan jika dunia membenarkan keadaan di Kosovo terus buruk sehingga ia menjadi satu lagi Bosnia-Herzegovina," katanya ketika itu.

Pada masa itu, Malaysia telah menganjurkan satu forum mengenai Kosovo sebagai mengutus mesej kepada para penduduk Kosovo bahawa Malaysia prihatin dan menyokong aspirasi mereka untuk mendapatkan kebebasan.

Oleh itu, adalah tidak salah untuk mengatakan bahawa kuasa-kuasa Barat telah gagal dalam dalam pemujukannya terhadap Milosevic, dan hakikatnya mereka juga harus dipersalahkan kerana memberi terlalu banyak masa kepada Milosevic untuk menyediakan jentera perang dalam melaksanakan tindakannya.

Dengan menunjukkan sikap kurang mendesak dalam menangani masalah Kosovo daripada peringkat awal lagi, negara-negara Barat telah secara tidak langsung memberi penganugerahan kepada seorang penjenayah perang seperti Milosevic.

Hakikatnya ialah Amerika Syarikat dan negara-negara sekutunya tidak akan mampu menghasilkan satu dasar yang jelas untuk negara-negara Balkan walaupun telah mendapat pengajaran daripada konflik Bosnia.

Dalam konflik Bosnia yang bermula pada awal 1990-an, kira-kira dua juta orang telah dipindahkan dari tempat asal mereka dan 250,000 orang lagi terbunuh.

Malahan, pada 1987 Kosovo merupakan tempat pertama Milosevic melancarkan kempen anti-Albania bagi mendapatkan sokongan Serb yang membolehkannya menjadi presiden dua tahun kemudian.

Satu daripada perkara pertama yang dilakukannya selepas berkuasa ialah mengetatkan lagi kawalannya ke atas Kosovo dan akhirnya pada 1989, beliau memansuhkan status kerajaan sendiri wilayah itu, yang bermula sejak 1974.

Mengimbu kembali sejarah terkini itu atau sebelum konflik Bosnia yang membentuk orde baru di Eropah, Kosovo selalu dianggap sebagai "bom jangka" di Eropah kerana adanya rasa tidak puas hati etnik Albania Kosovo terhadap pemerintahan persekutuan sejak banyak dekad yang lalu.

Oleh itu, Milosevic sememangnya akan menggunakan apa juga langkah untuk menindas etnik Albania, selepas dimalukan dalam konflik Bosnia, yang membawa kepada pengeluaran Croatia, Macedonia, Slovenia dan Bosnia-Herzegovina daripada peta Yugoslavia.

Penghijarah beramai-ramai etnik Albania ke negara-negara jiran membuktikan bahawa objektif Nato melancarkan "Operasi Tentera Bersekutu" pada 24 Mac lepas untuk mencegah kesengsaraan, penindasan dan keganasan manusia terhadap penduduk awam Kosovo tidak mencapai sasaran, sekurang-kurangnya buat masa ini.

Kini, menurut angka terbaru Nato, lebih satu juta daripada dua juta penduduk Kosovo telah melarikan diri daripada wilayah itu dengan beribu-ribu orang lagi sedang menuju ke negara-negara jiran dalam keadaan yang sangat teruk.

Majoriti etnik Albania, yang merupakan 90 peratus daripada dua juta penduduk Kosovo, adalah beragama Islam.

Kebinasaaan itu yang tidak dijangka sejak Perang Dunia Kedua, bukan sahaja telah menimbulkan masalah kemanusiaan tetapi terus mencengkam negara-negara yang sememangnya miskin seperti Albania dan Macedonia.

Keadaan itu lebih teruk jik adibandingkan dengan krisis pelarian semasa Perang Vietnam pada 1970-an.

Nato mungkin berpendapat ia dapat menyelesaikan keseluruhan operasi itu dalam masa beberapa hari atau sekurang-kurangnya memaksa Milosevic kembali ke meja perundingan memandangkan operasi itu dilancarkan hanya 12 hari sebelum ulangtahun ke-50 Perjanjian Atlantik Utara (4 April).

Pada pandangan Nato, masa operasi itu dilancarkan sdah pasti dapat memberinya peluang untuk menonjolkan diri kepada negara-negara anggota baru iaitu Poland, Hungary dan Republik Czech bahawa penyertaan mereka bukan langkah yang salah, dan jika Nato bersedia melindungi negara bukan anggota, apa lagi jika negara anggotanya diancam.

Nato juga tidak kurang membuat perkiraan salah. Pasukan bersekutu itu terlalu yakin dengan kemampuan dan keupayaannya untuk menyelesaikan keseluruhan operasi dalam masa yang pendek tanpa menjangka Milosevic akan bertindak lebih teruk dengan melakukan pembunuhan etnik beramai-ramai.

Senario politik juga telah berubah dengan Russia mengecam serangan itu, dan tindakan lain termasuk penghantaran beberapa kapal perang Russia ke Mediterranean untuk melakukan risikan ke atas tentera Nato yang terlibat dalam serangan ke atas Yugoslavia, semuanya membangkitkan kenangan era Perang Dingin.

Nato kini semakin terdesak kerana ia mula menyerang kemudahan-kemudahan awam seperti jambatan dan jalan raya di Belgrade tanpa mengambil kira orang awam, yang menunjukkan bahawa ia tidak mempunyai strategi yang jelas mengenai "bagaimana dan pada tahap mana" untuk menghentikan konflik itu jika Milosevic tidak mahu berdamai.

Secara keseluruhannya, "politik pemusnahan besaran-besaran" AS dan sekutunya tidak membantu menghentikan penghijarah beramai-ramai dari Kosovo tetapi memberi penguang kepada regim Serbia untuk menggunakan keadaan yang kucar-kacir itu untuk menjalankan kempen pembunuhan yang sistematik.

Dunia tidak akan terkejut bahawa ketidakmampuan Nato menyekat penghijarah itu dengan menghentikan keganasan Serb akhirnya akan menyebabkan Kosovo bebas tetapi tanpa rakyatnya sendiri.

Keadaan itu juga berubah dengan beberapa negara meminta supaya diadakan elemen tambahan dalam perjanjian Rambouillet termasuk hak pelarian kembali ke wilayah itu.

"Umpamanya, dalam perjanjian Rambouillet itu, tiada langsung mengenai kepulangan pelarian. Kita perlu memasukkan tentang hak pelarian untuk pulang dan bagaimana ia dapat dilakukan," kata Menteri Luar Perancis Hubert Vedrine, pada Ahad lepas.

Ini mendedahkan kelemahan negara-negara Barat yang meghasilkan perjanjian itu memandangkan mereka tidak menjangka penghijrahan beramai-ramai penduduk Kosovo.

Sejarah menunjukkan bahawa pelarian tidak berminat kembali ke negara asal mereka kerana bimbangkan keselamatan mereka, lebih-lebih lagi di bawah regim yang dipimpin oleh Milosevic.

Dan ia tidak akan menjadi satu tugas yang mudah untuk kembali dan menempatkan semula pelarian itu memandangkan puak Serb sedang meningkatkan "penghapusan identiti" Kosovo dengan memusnahkan arkib dan dokumen seperti harta, sijil perkahwinan, sijil bersalin dan rekod kewangan.

Memandangkan kegagalan AS dan Britain dalam kempen anti-Saddam di Iraq hampir satu dekad walaupun banyak operasi dilakukan ke atasnya, ia bukannya satu tugas mudah untuk menyingkirkan seseorang seperti Milosevic, ang dkenali sebagai pakar taktik dan dalam bidang amalan menempah bahaya.

Bagi pihak ketenteraan, walaupun kekuatan Nato adalah jauh lebih kukuh, Yugoslavia masih mempunyai kekuatan tenteranya dengan memiliki 1,000 peluru berpandu, kira-kira 2,000 senjata anti pesawat dan 85 pesawat pejuang MiG, dan setakat ini sebuah pesawat pejuang F-117A Stealth Amerika sudahpun ditembak jatuh.

Dengan 110,000 anggota tentera yang dibantu oleh 60,000 anggota separa tentera dan 100,000 anggota simpanan, penganalisis pertahanan berkata ia dapat bertahan dalam peperangan itu sambil meneruskan keganasannya di Kosovo.

Keengganan Nato untuk menempatkan tentera darat akan memudahkan lagi Milosevic mencapai agendanya dalam menyingkir keseluruhan penduduk etnik Albania

- satu-satunya etnik bukan Serb terbesar yang masih ada di negara itu.

Penganalisis berkata kuasa-kuasa Barat juga perlu merangka strategi pasca Kosovo untuk menangani Milosevic kerana sekiranya beliau masih lagi berkuasa, "Penyembelih Balkan" itu mampu melakukan lebih banyak ancaman terhadap sebarang kedamaian yang di rantau ini.

Tetapi pada masa ini, dalam bulan-bulan terakhir abad ini, dunia terpaksa menyaksikan "kebinasaan besar" di Kosovo dan dan seluruh negara Balka seperti mana yang dikatakan Dr Mahathir setahun yang lalu.

-- BERNAMA

RV AU NAK